

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CIDB KAJI LANGKAH KURANGKAN KESAN DAN IMPAK KENAIKAN HARGA BESI

Kuala Lumpur, 25 JANUARI 2021: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) akan mengkaji langkah-langkah bagi menangani kesan dan impak kenaikan harga besi tetulang dalam sektor pembinaan. Berdasarkan rekod CIDB, kesemua bahan binaan di seluruh negara adalah stabil sepanjang 2020 kecuali harga besi tetulang (*steel bars*) serta bahan binaan berdasarkan besi yang telah mengalami kenaikan harga.

Kenaikan harga besi tetulang adalah berpunca daripada faktor-faktor yang berikut; -

1. **Kesukaran mendapatkan bahan mentah bagi memproses besi tetulang** iaitu bijih besi dan juga sebahagian besi buruk yang mana kedua-duanya diimport dari luar negara.
2. **Kenaikan harga bijih besi di seluruh dunia disebabkan oleh kekurangan bekalan bijih besi** kerana kebanyakan lombong bijih besi tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh, kesan daripada bencana alam dan isu pandemik.
3. **Isu logistik** yang menyumbang kepada kesukaran dan kelewatan penghantaran bagi bahan import disebabkan situasi pandemik.
4. **Pemulihan sebahagian permintaan bijih besi** menyebabkan harga bijih besi naik sehingga mengakibatkan kenaikan harga jualan produk lama yang sedia ada
5. **Permintaan berkurang dalam situasi pandemik dan PKP** yang mana kilang telah mengurangkan pengeluaran dan tidak beroperasi dengan kapasiti penuh.

Selain itu, kenaikan harga turut dipengaruhi oleh kesan rantaian aliran tunai industri yang tidak stabil, serta terma pembayaran antara kontraktor dan pembekal juga turut mempengaruhi harga bahan binaan bagi setiap transaksi. Pembekal cenderung menaikkan harga kerana mengambil kira risiko kelewatan pembayaran oleh pihak kontraktor, yang mana pihak kontraktor berbuat demikian disebabkan pembayaran yang lewat diterima dari pihak klien.

Pada Januari sehingga April 2020, harga besi tetulang berada pada kadar RM2,435.00/ MT. Harga tersebut turun sebanyak -6.4% kepada RM2,278.00/ MT pada bulan Mei dan kekal sehingga Julai 2020. Pada Ogos 2020, terdapat kenaikan harga sebanyak 2.2% (kenaikan sebanyak RM50 - RM80/ MT) kepada sekitar RM2,300.00/MT. Pada bulan Disember 2020, harga besi di Semenanjung Malaysia telah meningkat secara mendadak sebanyak 22% kepada RM2,800.00/ MT. Manakala bagi bulan Januari 2021, harga besi tetulang adalah RM2,890.00/ MT.

Pada tahun 2008, pihak Kerajaan telahpun meliberalisasikan produk ini yang mana harga besi tetulang ditentukan oleh kadar permintaan dan penawaran dalam sektor pembinaan. Selain itu, Kerajaan juga telah membenarkan import untuk besi tetulang bagi memenuhi permintaan sekiranya pengeluaran domestik tidak dapat memenuhi keperluan pasaran.

“Pandemik ini sememangnya telah membawa cabaran yang besar kepada semua pihak, khususnya penggiat industri pembinaan. Pihak CIDB akan mengkaji langkah-langkah bagi menangani masalah ini bagi memastikan kelangsungan dan kemampuan sektor ini untuk jangka masa pendek dan panjang,” kata Datuk Ir. Ahmad ‘Asri, Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB.

####